


# Terpanggil untuk Mengajar



Bb



a





# Terpanggil untuk Mengajar



Akankah anda  
mengendahkan  
panggilan-Nya?

# Kandungan

- |    |   |    |                                    |
|----|---|----|------------------------------------|
| 03 | Kata Pengantar  | 12 | Serik atau Seronok?                |
| 04 | Pekerjaan atau Mandat Ilahi?                          | 13 | Kehancuran atau Jambatan?          |
| 05 | Terpanggil untuk Mengajar                             | 14 | Mengenangi Guru-guru Kita          |
| 06 | Saya Menyahut Penggilan                               | 16 | Proses Permohonan                  |
| 09 | Gaji Rendah atau Ganjaran Lumayan?                    | 18 | Laluan Kerjaya                     |
| 10 | Laluan untuk Menjadi Guru yang Bertauliah di Malaysia | 20 | Jaringan Badan yang boleh Membantu |



Diterbitkan oleh

**MAJLIS SEKOLAH KRISTIAN MALAYA**

Pejabat MCSC, d/a PUSAT PENDIDIKAN BB  
(SMK Lelaki Bukit Bintang)

Jalan Utara, 46200 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

☎ 6010-921 7663

☎ 6016-694 1456

✉ [contact.mcsc@gmail.com](mailto:contact.mcsc@gmail.com)

🌐 [www.fccsm.org](http://www.fccsm.org)

Edisi Bahasa Melayu

Cetakan Pertama Jun 2019

**UNTUK EDARAN PERIBADI SAHAJA**


# Kata Pengantar

**Kami** kekhawatiran sangat akan bilangan guru Kristian yang semakin berkurangnya di negara kita. Inilah sebab utama MCSC berkeputusan menerbitkan sebuah buku kecil berjudul **“Terpanggil Untuk Mengajar”**. Besarlah harapan kami semoga buku kecil ini akan dibaca oleh ramai muda-mudi apabila mereka memutuskan kerjaya yang akan diceburi; dan juga ramai kaunselor di gereja akan menggunakan buku kecil ini untuk membimbing para muda-mudi memasuki kerjaya perguruan serta melihatnya sekali gus sebagai panggilan Allah kepada mereka ke medan misi dalam bidang pendidikan.

*Yesus diutus untuk mengajar dan menyembuhkan semua penyakit dan kesakitan.*

**(Matius 9:35)**

Inilah yang Dia panggil kita lakukan hari ini – mengajar golongan muda dan menyembuhkan mereka daripada pelbagai gangguan yang menimpa mereka dalam masyarakat yang amat sangat tertekan.



**65%** 50 tahun ke atas

**17%** 40-49 tahun

**12%** 30-39 tahun

**6%** di bawah 30 tahun

Keahlian dalam Persaudaraan Guru Kristian kira-kira 1000 orang. Daripada jumlah ini, 65% berumur melebihi 50 tahun dan

ramai yang akan bersara tidak lama lagi; 17% adalah dalam kumpulan umur 40-49; 12% dalam kumpulan umur 30-39 dan hanya 6% di bawah umur 30 tahun! Persatuan Guru Katolik Malaysia melaporkan statistik yang hampir sama.

Kini terdapat 434 buah sekolah mubaligh di seluruh negara. Tidak cukup guru Kristian untuk semua sekolah mubaligh agar adanya pengetua atau guru besar Kristian dan guru Kristian selaku penasihat bagi Persaudaraan Kristian.

Wahai golongan muda-mudi, mustahak sekali anda memberikan pertimbangan kepada kerjaya mengajar. Allah memanggil kalian untuk “pergi ke kampung-kampung dan bandar-bandar” di seluruh Malaysia untuk membawa terang Injil kepada anak-anak. Akankah anda mengendahkan panggilan-Nya?

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada yang berikut atas usaha kasih mereka demi menghasilkan buku kecil ini: Cik Tay Choon Neo (MCSC); Dr Tan Juat Nghoh (MCKL); Cik Indyrany Kannaiya (TCF); Encik Koh Earn Soo (SU); Puan Angeline Lazaroo dan Paderi Alvin Ho (daripada Misi Katolik); dan Dss Yit Ching Li (Lembaga Sekolah Misi Anglikan). Mereka meluangkan masa mereka agar anak-anak muda kita mempunyai rujukan penting ini apabila mereka memohon bimbingan Allah untuk kerjaya mereka. Saya merakamkan penghargaan kepada Cik Chew Yen Ping atas reka bentuk yang penuh makna bagi muka depan buku ini.

Akhir kata, kami mendoakan buku kecil ini akan diedarkan secara meluas dalam kalangan jemaah di Malaysia dan para belia negara kita akan menyahut seruan demi mengikut jejak langkah Tuhan Yesus kita.

**Moey Yoke Lai**

Pengerusi, Majlis Sekolah Kristian Malaya

# Pekerjaan atau Mandat Ilahi?

Sebagai guru, anda dalam pasukan yang telah Allah pilih untuk memenuhi mandat yang diberikan kepada Adam dan Hawa pada permulaan penciptaan-Nya.

...Allah berfirman kepada mereka, *'Beranak cuculah dan bertambah banyak serta penuhilah dan takluki bumi, berkewenangan atas ikan-ikan di laut dan burung-burung di udara dan atas segala makhluk hidup yang berkeliaran dan yang bergerak di muka bumi.'*

**(Kejadian 1:28)**



Moey Yoke Lai

Kitab Kejadian menyatakan bahawa manusia diberi kuasa untuk mentadbir ciptaan Allah. Jika kita hendak berbuat sedemikian, kita mesti dilengkapi dengan pengetahuan. Mandat ilahi yang diberikan kepada kita adalah untuk melengkapi golongan muda supaya mereka akan mentadbir bumi dengan baik.

Mengajar bukan sekadar membantu golongan muda untuk lulus peperiksaan. Mengajar adalah untuk membantu mereka memahami bagaimana dunia ini berfungsi supaya mereka dapat menerapkan pengetahuan itu untuk menyelesaikan pelbagai masalah.

Media massa kita memuja pelajar cemerlang dalam peperiksaan. Usahlah kita terperangkap oleh andaian bahawa pelajar terpuji cumalah pelajar yang mencapai gred yang cemerlang. Mereka mungkin telah menghafal buku teks. Akan tetapi, proses pemikiran dan proses berhubung kait kepada dunia kita merupakan perkara yang berbeza sama sekali.

Jangan biarkan diri anda terpengaruh oleh orang lain. Anda mempunyai mandat ilahi untuk ditunaikan. Sediakan pengajaran anda dengan tekun dan jangan benarkan orang lain mempengaruhi anda untuk buat kerja sambil lewa. Buatlah kerja anda dengan sebaik-baiknya.

Jika anda tahu bahawa anda terpengil oleh Allah untuk mengajar, maka di mana-mana sahaja anda berada dan apa-apa sahaja yang anda hadapi, anda akan menetapkan kecemerlangan sebagai piawaian.

Sebagai guru, anda mempunyai peluang yang tidak dimiliki orang lain untuk berhubung dengan pelajar anda. Oleh itu, pelajar anda harus tahu bahawa setiap kali mereka bertemu dengan anda, mereka pasti akan menerima sesuatu yang benar-benar istimewa.

*(diseuaikan daripada artikel Moey Yoke Lai dalam InStep TCF, Isu 4 Jilid 15)*

# Mengajar adalah untuk Menyentuh Hidup

## Akankah anda menyahutnya?

### PANGGILAN

Setelah itu, kudengar suara Tuhan berfirman, "Siapakah yang akan Kuutus? Siapakah yang mahu pergi bagi kita? " Maka kataku, "Ini aku, utuslah aku!"

**YESAYA 6:8**

### TINDAKAN

"Ajarlah mereka supaya taat akan segala perkara yang telah Kuperintahkan kepadamu. Aku akan sentiasa bersamamu, hingga ke akhir zaman."

**MATIUS 28:20**

# GURU KRISTIAN

### SIFAT

Kesediaan untuk:

- BELAJAR
- MEMIMPIN
- MENGASIHI

Kesudian untuk menumpukan:

- MASA
- TENAGA
- SUMBER

"Aku dapat melakukan segalanya melalui Kristus yang memberiku kekuatan."

**FILIPI 4:13**

### PELUANG

- Medan Misi yang luas
- Menyentuh hidup – 40 orang pelajar x 5 buah kelas x 30 tahun = 6000 jiwa
- Impak harian – 195 hari setahun
- Pengaruh berterusan selepas alam persekolahan

"Apabila Yesus melihat orang yang ramai itu, Dia berbelas kasih terhadap mereka kerana mereka bimbang dan tidak berdaya, ibarat sekawan domba tanpa gembala. Kata Yesus kepada murid-murid-Nya, "Tuaian banyak sekali tetapi penuai hanya segelintir. Berdoalah dengan bersungguh-sungguh kepada tuan yang empunya tuaian itu supaya menghantar pekerja untuk menuai."

### PENCAPAIAN

"Kamu ialah garam bumi. Kamu ialah terang dunia ini."

**MATIUS 5:13-14**

**MATIUS 9:36-38**

# Saya Menyahut Penggilan



Setelah menamatkan diploma di Maktab Perguruan Ilmu Khas, Kuala Lumpur pada tahun 1989, saya telah ditempatkan di SRJK (C) Choong Hua, Banting. Tidak saya jangka bahawa saya akan ditempatkan di sekolah

Allah memberikan detik-detik menguja dengan cara-Nya yang paling menarik jika anda sanggup menerima cabaran.

Cina, tetapi saya menikmati setiap detik selama lapan tahun di sana. Saya akan berdoa untuk pelajar saya secara terbuka, terutama untuk kelas-kelas peperiksaan, dan para pelajar saya berasa seronok untuk mengatakan 'Amen' secara serentak pada akhir doa. Saya menemukan sebuah gereja baru untuk menghadiri kebaktian dengan keluarga selain melayan di Sekolah Minggu.

Sekolah Minggu penuh dengan pelajar Choong Hua yang dihantar oleh ibu bapa mereka dengan gembiranya untuk mengikuti kelas Bahasa Inggeris yang percuma. Allah memberikan detik-detik menguja dengan cara-Nya yang paling menarik jika anda sanggup menerima cabaran.

Pada tahun 2000, selepas tamat pengajian dari Universiti Malaya, saya ditempatkan di SMK Subang Utama. Sudah ada Persaudaraan Kristian yang rasmi di sekolah tersebut, dan ia terus berkembang apabila kami menjalankan pelbagai aktiviti menarik, seperti perkhemahan, perhimpunan, projek khas, dan lain-lain. Saya benar-benar ingin melakukan lebih banyak untuk-Nya kerana saya melihat jiwa anak-anak muda ini berseru kepada Tuhan, dan kepada Tuhanlah seharusnya mereka tertuju.

Pada tahun 2008, di luar dugaan, saya dinaikkan pangkat kepada jawatan Penolong Kanan Kokurikulum. Saya berdoa dan menerima jawatan itu, tetapi sebagai pentadbir sekolah saya kurang masa untuk bersama-sama dengan pelajar. Yang lebih menarik lagi, saya dianugerahi jawatan Guru Cemerlang pada akhir tahun itu. Bagaimana semua itu berlaku?

Hanya percayalah kepada-Nya.

**Jacob Mathew**



Sejak zaman remaja, saya bercita-cita menjadi seorang guru dan mendidik anak-anak muda. Ramai guru telah mempengaruhi saya. Jadi, saya belajar bersungguh-sungguh di Tingkatan 6 untuk mendapat tempat di universiti. Saya berjaya memasuki Universiti Pendidikan Sultan Idris untuk mengkhususkan mata pelajaran Biologi. Setelah tamat pengajian pada tahun 2009, saya ditempatkan di Sekolah Menengah Laki-Laki Methodist, Kuala Lumpur.

Saya suka mengajar pelajar saya dalam mata pelajaran Biologi, melakukan pelbagai uji kaji bersama pelajar serta membantu mereka memahami ciptaan Allah yang indah. Selaku guru, saya ada banyak masa berhubung dengan generasi muda demi menjadi mentor mereka. Pengalaman saya menjadi pembuka mata. Saya telah menemui ramai pelajar dengan keperibadian yang berbeza, dan betapa menakjubkan untuk melihat bagaimana Allah bekerja dalam hidup mereka.

Kami bekerja dan bertumbuh bersama-sama. Salah seorang pelajar saya, Chee Pang, lemah dalam bahasa Inggeris tetapi dia mengambil mata pelajaran Bible Knowledge atau Pengetahuan Alkitab dan dapat menguasai bahasa Inggeris dengan cepat sekali. Pada masa yang sama, Allah juga mengubahnya menjadi orang yang lebih baik. Dia amat tekun untuk mencari Tuhan, dan saya terhibur oleh kesungguhannya mempelajari Firman Allah. Selepas sekolah, kami bersama-sama mengkaji Alkitab. Saya sendiri menerima inspirasi daripada Firman Allah, dan belajar menjadi lebih bersabar dengan orang lain. Sudah pasti, profesion mengajar itu sendiri telah mengajar saya kesabaran dan belas kasihan.

**2 Timotius 2:2** *“Segala yang telah kaudengar daripadaku di hadapan saksi yang ramai, sampaikan kepada orang setia yang dapat mengajarkannya kepada orang lain pula.”*

### **Karen Pang Lai Ping**

Selaku guru, saya ada banyak masa berhubung dengan generasi muda demi menjadi mentor mereka.



**Karen Pang bersama para pelajarinya dengan sijil dan piala Kuiz BK mereka.**



## Saya Menyahut Panggilan

Walaupun seronok dan memberikan kepuasan, mengajar tidak semestinya selalu menyenangkan. Dalam perjalanan saya sebagai pendidik, pelbagai kesilapan dibuat, beberapa iktibar yang menyedihkan diambil dan banyak cabaran telah saya tempuhi.

Saya perlu mengakui beberapa kali dalam tempoh 11 tahun yang lalu, timbulah pertanyaan dalam diri sama ada saya telah membuat keputusan yang tepat untuk menceburi profesion mengajar. Ada kalanya saya rasa ingin mengaku kalah dan meninggalkan profesion ini. Apa yang membuat saya meneruskannya? Apa yang mendorong saya?

Jawapan yang paling biasa diberikan oleh seseorang guru Kristian ialah Allah menguatkan kita dan memberi kita kedamaian-Nya. Sesungguhnya, hakikat itu benar bagi saya.

Tetapi ada satu lagi sebab yang membuat saya terus mengajar. Pelajar-pelajar saya! Kegirangan saya apabila melihat wajah mereka setiap pagi membuat saya bangun dengan penuh harapan untuk pergi ke sekolah. Tidak kira betapa buruknya hari yang saya alami, saya sentiasa berkobar-kobar untuk kembali ke sekolah. Kegembiraan daripada Allah yang luar biasa ini sesuatu yang amat berharga sehingga saya tidak sekali-kali akan menggantikannya dengan sebarang pekerjaan yang lain.

Saya benar-benar bersyukur kepada Allah untuk pelajar-pelajar yang telah Dia hantar kepada saya. Mereka telah memberikan impak yang sebegitu besar dalam hidup saya. Mereka telah banyak mengajar saya tentang hidup dan kerjaya mengajar sehingga saya kadang-kadang bertanya kepada diri, 'Siapakah yang menjadi guru?'

**Nigel Evan Rode**

Mereka telah begitu banyak mengajar saya tentang hidup dan kerjaya mengajar sehingga saya kadang-kadang bertanya kepada diri, 'Siapakah yang menjadi guru?'

Salah satu perkara yang saya nikmati sebagai guru ialah mengendalikan Persaudaraan Kristian Antara Sekolah (ISCF) di sekolah saya. Pelajar-pelajar Kristian bertemu dari pukul 6:00 petang hingga 7:00 petang setiap hari untuk menyembah, berkongsi kesaksian, mendengar Firman Allah, dan berdoa bersama-sama.

Melalui pertemuan-pertemuan ini, golongan muda dari rumah panjang dan bahagian yang berlainan di Sarawak telah tumbuh dalam iman mereka kepada Tuhan. Kami telah mengadakan banyak perkhemahan sekolah dan mengikuti pelbagai lawatan misi bersama-sama. Saya mendoakan murid-murid saya menjadi pengikut Kristus yang setia, melayani di gereja tempatan mereka apabila mereka kembali ke rumah panjang masing-masing, serta bersinar untuk Tuhan di mana-mana sahaja mereka berada.

**JOHN LIEW**



## Gaji Rendah atau Ganjaran Lumayan?

Berapa banyak wang baru cukup? Bagi sesetengah orang, tiada jumlah yang pernah cukup.

Saya ingin memberikan jaminan kepada anda tentang ini: anda tidak akan miskin menjadi guru. Anda akan berkecukupan. Anda tidak akan kerugian.

Kita harus mengawasi diri daripada menjadi pencinta wang dan sebaliknya berpuas hati dengan apa yang ada pada kita kerana Allah berfirman, *"Aku tidak sekali-kali akan meninggalkanmu. Aku tidak sekali-kali akan membiarkanmu."*

**(Ibrani 13:5)**

Gaji permulaan untuk guru siswazah DG41 dengan ijazah kepujian dan diploma pendidikan (termasuk pelbagai imbuhan):

**RM3,291**

Gaji pokok maksimum seorang guru gred DG54 sebelum bersara:

**RM13,144**

# Laluan untuk Menjadi Guru

## Institusi Awam

Selepas SPM

Memohon di <http://moe.gov.my> selepas keputusan SPM

### PPISMP

- Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan
- 1 tahun di Institut Pendidikan Guru (TEI)
- Tajaan Kerajaan, tiada bantuan sara hidup

### PISMP

- Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan
- Berjaya Lulus PPISMP
- Kursus 4 tahun di TEI
- Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian
- Tajaan Kerajaan, tiada bantuan sara hidup

Lepasan sebagai **Guru Prasekolah dan Sekolah Rendah**

Selepas STPM

Kursus Sarjana Muda

Ijazah Sarjana Muda

Sarjana Muda Pendidikan

### PDPLI

- Program Diploma Pendidikan Lepas Ijazah
- Kaedah: Kursus percutian sekolah
- Guru berkhidmat sebagai GSTT / TFM
- 3 semester
  - Interaksi selama 4 minggu untuk 2 semester
  - 12 minggu praktikum pada semester akhir
- Tajaan kerajaan

Lepasan sebagai **Guru Sekolah Menengah dan Tingkatan Enam**

Kursus Sarjana / Doktor Falsafah (Ph.D)

**Pensyarah di Institut Pendidikan Perguruan**

**Pensyarah di Universiti**

# yang Bertauliah di Malaysia

## Institusi Swasta

Selepas SPM / IGCSE

Selepas STPM / A Levels / AUSMAT / ADTP

Diploma

Kursus Sarjana Muda

Asasi

Ijazah Sarjana Muda

Sarjana / PhD

Lepasan sebagai  
**Guru Prasekolah**

Lepasan sebagai **Guru Sekolah Rendah / Menengah**  
atau **Pensyarah**

**Kelayakan Pembangunan Profesional**

**Awam / Swasta**

**TFM** – Teach for Malaysia

**GSTT** – Guru Sandaran Tidak Tertlatih

**PPISMP** – Program Persediaan untuk PISMP

**PISMP** – Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan

# Serik atau Seronok?

Saya sedang berjalan ke kelas apabila saya terdengar pertengkaran dahsyat dari tandas pelajar. Dua orang daripada murid saya yang berusia 11 tahun, \*Sunny dan \*Paulus, bergaduh lagi! Kalau nak tahu, pergaduhan itu berlaku setiap hari.

Bagaimanapun, pagi itu saya habis sabar. Hancur hati saya asyik menyaksikan perkelahian tentang perkara remeh-temeh. Betapa serik kepedihan dalam hati dan saya kehilangan kegembiraan serta motivasi untuk terus mengajar. Saya 'menghukum' budak-budak lelaki itu dengan menyuruh mereka menunggu di tepi kereta saya pada waktu pagi, berdiri sebelah-menyebelah bergandingan bahu.

Dua minggu kemudian saya terkejut diberitahu bahawa ayah Sunny telah datang untuk memindahkan anaknya ke alma maternya. Malah, saya hanya dapat tahu mengenainya pada waktu rehat. Oleh sebab kami mungkin tidak akan berjumpa dengannya lagi, saya segera menamatkan kelas Darjah 5 lalu mengumpulkan anak murid saya. Saya memberitahu rakan sekelas Sunny bahawa kami akan meminta maaf daripada Sunny jika kami telah menyinggung perasaannya dalam apa cara sekalipun. Kemudian kami akan berdoa untuknya, kerana itu mungkin pertemuan terakhir dengannya.

Ketika itu, seluruh kelas bertangisan. Orang pertama yang menangis teresak-esak ialah Paulus. Kedua-dua orang murid itu berasal daripada keluarga yang berpecah belah. Sunny telah ditinggalkan oleh ibu bapanya dan dijadikan anak angkat oleh keluarga lain. Di sekolah, Sunny terkenal sebagai pelajar bermasalah disiplin. Sementara itu, Paulus pula dibesarkan oleh penjaga yang menderanya.

Pada hari Jumaat itu, bagaimanapun, saya menyaksikan ternyata pengampunan yang indah untuk pertama kalinya di kelas saya. Apabila kedua-duanya mula dihukum dan diminta untuk berdiri bergandingan bahu, saya tahu bahawa mereka berasa geram. Tetapi kini kedua-dua mereka, bersama-sama rakan sekelas, menangis sambil berpegang tangan dan berdoa. Kasih Tuhan melimpahi seluruh kelas secara luar biasa.

Allah melakukan sesuatu yang menakjubkan dalam hidup anak-anak tersebut pada hari itu. Saya kekaguman; ia merupakan detik yang seronok sekali bagi diri saya.

**Donna Dawi**

*\*Bukan nama sebenar mereka*





## Kehancuran atau Jambatan?

Saya teringat akan keterujaan saya ketika ditugaskan untuk mengajar kelas Darjah 1 dan 2 di sebuah sekolah terpencil di Sabah. Saya menggunakan alat bantu mengajar yang baru: Bahan-bahan Jolly Phonics – yang dibeli khas dari United Kingdom – bersama dengan pembesar suara dan komputer riba. Tentu sekali pelajaran kami akan berlangsung dengan seronok, bermakna dan bersemangat.

Bukan main terperanjatnya saya apabila mendapati kesemua murid di kelas pertama saya tidak memahami satu perkataan pun dalam bahasa Inggeris! Saya cuba bercakap dalam bahasa Malaysia, namun dibalas dengan pandangan kosong. Akhirnya, kami saling menatap wajah sehingga waktu pelajaran itu tamat. Saya meninggalkan kelas dengan perasaan tertewas. Saya sangka saya sudah bersedia, tetapi sebenarnya saya belum.

“Tuhan, mereka hanya memahami bahasa Murut. Apa seharusnya saya buat?” saya bertanya kepada Allah malam itu. Dia berfirman kepada saya daripada **Efesus 2:10**: *‘kerana kita ini buatan-Nya, diciptakan dalam Kristus Yesus untuk melakukan perbuatan baik, yang telah disediakan terdahulu oleh Allah untuk kita lakukan.’*

Dengan anugerah Allah, saya mula mempelajari bahasa Murut dan mengajarkan bahasa Inggeris dengan menggunakan bahasa

Murut. Selepas bergelut selama 8 bulan, murid-murid itu mampu membaca dan mengenali sekurang-kurangnya 50 patah perkataan bahasa Inggeris. Seseengah murid yang lebih pintar dapat membaca seluruh buku dalam bahasa Inggeris. Itulah saat yang menggembirakan bagi saya!

Sebagai warden asrama di sekolah rendah di Sabah, Tuhan membuka jalan bagi saya untuk mengembalakan 100 orang anak Kristian.

Setiap hari Khamis kami mengadakan permainan, pujian dan penyembahan serta pengkajian Firman Allah bersama-sama. Suatu hari, saya berkongsi bagaimana Allah Bapa kita mengasihi dan melindungi anak-anak-Nya. Hampir serta-merta, seorang perempuan kecil datang dan berbisik, “Cikgu Jess, bagaimana saya dapat mempercayai Bapa Syurgawi mengasihiku apabila bapaku mengabaikan keluarga kami? Dia meninggalkan ibu untuk wanita lain.”

Saya tidak menjawabnya tetapi bertanya kepada anak-anak, “Berapa ramai antara kamu yang membesar tanpa bapa?” Saya terkejut melihat hampir setiap tangan diangkat.

Saya menarik nafas panjang sebelum mengangkat tangan saya sendiri dan berkata, “Saya juga. Ayah saya masih hidup, tetapi dia sakit. Saya dibesarkan dengan seorang bapa yang dingin terhadap saya. Selama bertahun-tahun saya tidak dapat melihat Bapa Syurgawi sebagai kuat, pelindung, atau boleh dipercayai. Akan tetapi, Dia makin hari makin menunjukkan kepada saya bahawa Dialah Allah yang setia dan Bapa yang penyayang.”

Tiba-tiba, kehancuran hati saya sendiri telah menjadi jambatan; saya dapat mengaitkan diri bersama dengan anak-anak di bawah jagaan saya. Malam itu, saya rasa saya memang patut berada di sana, untuk berkongsi bagaimana Bapa Syurgawi sebegitu mengasihi kita. Saya meminta mereka untuk memaafi bapa masing-masing.

la merupakan masa penyembuhan untuk guru dan juga murid-muridnya. Saya rasa amat terharu: kehancuran hati saya digunakan oleh Allah sebagai saluran berkat.

**Jessica Rine**

# Mengingati Guru-guru Kita



## Uskup Dr Ong Hwai Teik

Lima dekad yang lalu, seorang guru kesayangan menyentuh hidup saya ketika saya amat memerlukannya. Saya masih amat terkenang akan beliau kerana beliau berdedikasi dan baik hati.

Cik Eng, dengan pekanya, dapat memahami keperluan seorang anak kesunyian berumur 8 tahun yang berasal daripada keluarga besar. Beliau memberikan sumbangan besar kepada pendidikan, pembentukan, dan kemahiran kepemimpinan anak muda itu, di samping membuatnya sentiasa ingin ke sekolah setiap hari.

Dengan hikmah daripada Allah, beliau menyumbang secara strategik kepada hidup budak tanpa tujuan itu - supaya dia dapat dipakai oleh Allah sebagai Uskup Gereja Methodist di Malaysia suatu hari nanti! Sehingga hari ini, saya terus-menerus mengucapkan syukur kepada Allah untuk Cik Eng apabila saya mengenangkan zaman kanak-kanak dan panggilan saya.

Penghargaan kepada guru yang tetap dalam ingatan ini disampaikan oleh Uskup Ong dalam ucapan beliau bersempena dengan Perayaan Hari Guru Kristian Lembah Kelang pada Mei 2017. Mesejnya memberikan inspirasi kepada semua yang hadir untuk melaksanakan tugas kita: guru sebagai pembina negara.



## Beatrice Xavier

Waktu saya bersekolah, kami mempunyai ramai guru yang mengilhamkan dan menyentuh hidup kami. Namun demikian, guru yang paling menonjol ialah Puan Ramalingam, guru Darjah 4 saya dari Konven Tarcisian. Walaupun beliau seorang guru yang tegas, semua pelajar mengetahui mereka boleh pergi kepadanya untuk mendapatkan bantuan.

Puan Ramalingam juga memandang lebih jauh daripada perwatakan seseorang. Beliau percaya bahawa setiap pelajar dapat mencapai jauh lebih baik daripada kemampuan sedia ada. Semasa membesar, saya seorang pemalu dan pendiam. Walaupun saya teringin mengambil bahagian dalam aktiviti dan pertandingan, saya tidak berani menampilkan diri. Sebagai seorang yang pendiam, saya sentiasa tidak terpilih.

Bukanlah begitu dengan Puan Ramalingam. Saya dicalonkan olehnya sebagai pengawas sekolah kerana beliau percaya bahawa sifat kepemimpinan akan dibina dan keyakinan saya akan meningkat. Pada masa itu, tidak dapat saya bayangkan berdiri di hadapan kelas seramai 40 orang murid dan menyuruh mereka diam. Saya lebih rela saya ditelan bumi.

Pada tahun itu, beliau juga menggalakkan saya untuk menyertai banyak sekali pertandingan pidato, perbahasan, dan kuiz. Saya tidak pernah terfikir bahawa saya dapat menghadapi orang ramai dan menyampaikan ucapan. Beliau mengajar saya untuk percaya kepada diri sendiri dan sentiasa memberikan tunjuk ajar kepada saya.

Beliau memainkan peranan penting untuk membentuk saya menjadi siapa saya hari ini – kuat dan yakin. Hari ini, saya dapat menjalankan seminar dan latihan untuk kumpulan ramai. Terima kasih, Puan Ramalingam.



Beatrice kini menjadi jurulatih bebas MS Office dengan kegemaran untuk seni dan apa-apa jua yang membolehkannya meneroka kreativiti beliau.

# Cara Permohonan ke IPG (Institut Pendidikan Guru)


**P**engumuman bagi permohonan ke Institut Pendidikan Guru (IPG) akan diterbitkan di akhbar tempatan utama. BACALAH surat khabar.

Semak sama ada anda memenuhi syarat-syarat yang berikut:

- Seorang warganegara Malaysia.
- Umur tidak melebihi 20 tahun pada 30 Jun pada tahun permohonan. Anda tidak layak memohon sekiranya anda dilahirkan sebelum 30 Jun tahun tersebut.
- Sihat jasmani.
- Aktif dalam aktiviti kokurikulum.
- Lulus SPM dengan gred cemerlang (Gred A+, A, atau A-) dalam mana-mana 5 mata pelajaran (keperluan minimum).
- Mendapat sekurang-kurangnya gred kepujian (kredit) dalam subjek Bahasa Melayu dan Sejarah.
- Lulus Bahasa Inggeris.

Jika anda layak, mohonlah dalam talian di <https://www.moe.gov.my>

- Untuk pemohon kali pertama, daftarlah sebagai pengguna sistem. Anda tidak perlu membeli nombor pin atau nombor ID. Rujuk lampiran di bawah.



- Klik pada ikon **DAFTAR PERMOHONAN BARU**. Skrin akan memaparkan kelayakan umur anda. Masukkan nombor MyKad anda dan klik pada butang semak. Isi borang permohonan. Hantar borang sebelum sistem ditutup.

## Daftar Permohonan Baru (Semak Kelayakan)

Sila masukkan No Kad Pengenalan bagi tujuan tapisan awal kelayakan umur pemohon P1SMP Ambilan Jun 2017

No Kad Pengenalan

### SYARAT KELAYAKAN ASAS:

#### 1. WARGANEGARA

- Warganegara Malaysia sahaja yang layak memohon

#### 2. UMUR

- Umur tidak melebihi 20 tahun pada 30 Jun 2017

No Kad Pengenalan

Semak

## SYARAT KELAYAKAN ASAS:

## 1. WARGANEGARA

- ✓ Warganegara Malaysia sahaja yang layak memohon

## 2. UMUR

- ✓ Umur tidak melebihi 20 tahun pada 30 Jun 2017 iaitu lahir pada atau selepas 30 Jun 1997.
- ✓ Sekiranya anda lahir **sebelum** 30 Jun 1997 **anda tidak layak memohon.**

## 3. SPM

- ✓ Mendapat **gred cemerlang** dalam mana-mana 5 matapelajaran.
- ✓ Memperoleh **sekurang-kurangnya gred kepujiaan** dalam matapelajaran **Bahasa Melayu** dan **Sejarah**.
- ✓ **Lulus** Bahasa Inggeris.

Perhatikan tarikh tutup permohonan.

Semak nama pemohon yang berjaya untuk mengambil Ujian Kelayakan Calon Guru (UKCG).

Ambil UKCG.

■ Ujian ini terdiri daripada 3 sesi.

- **Sesi ujian bertulis:** Terdiri daripada Bahagian A dan Bahagian B yang **mesti** dijawab oleh calon dalam 45 minit.
- **Sesi ujian kecergasan fizikal:** Semua calon **mesti** menjalani ujian ini. Calon yang memilih Pendidikan Jasmani sebagai pilihan pertama atau kedua **mesti** menjalani Ujian Amali Pendidikan Jasmani. Calon mesti menandatangani Surat Akuan Calon dan menyerahkannya kepada petugas yang bertanggungjawab sebelum melakukan ujian.
- **Sesi ujian praktikal:** Dilakukan semasa temu duga untuk calon yang memohon Bahasa Inggeris, Pendidikan Jasmani, Pendidikan Muzik, Pendidikan Islam, dan Bahasa Arab.

Sila rujuk

<https://www.mysumber.com/ipg.html>

Sila semak secara dalam talian untuk pemohon yang berjaya untuk menghadiri temu duga. Cetak surat panggilan untuk temu duga, borang maklumat peribadi daripada sistem permohonan laman web.

Hadirlah temu duga. Sila bawa surat panggilan temu duga, borang maklumat peribadi yang telah diisi dan sijil akademik / kokurikulum.

Semaklah secara dalam talian sama ada permohonan anda berjaya.

Laporkan diri dan daftar di Institut Pendidikan Guru (IPG) masing-masing. Calon-calon akan menerima surat tawaran kursus daripada IPG masing-masing selepas pendaftaran. ■

## Cara Permohonan ke Sekolah Swasta

Tinjau akhbar tempatan untuk iklan jawatan kosong, atau tanya terus di sekolah / kolej. Anda juga boleh memohon secara dalam talian di [jobstreet.com](http://jobstreet.com).

Hantar resume anda ke sekolah / kolej masing-masing.

Jika berjaya, hadirilah temu duga.

Tahniah! Anda mendapat kerja. ■

# Laluan Kerjaya dalam Perkhidmatan Awam

Gred	Tahun Berkhidmat	Skala Gaji	Jawatan Rasmi
DG41	1 3 (disahkan jawatan)	Minimum RM2,188 hingga maksimum RM9,552 dengan kenaikan gaji tahunan RM225	Guru prasekolah, sekolah rendah atau menengah; kaunselor sekolah Guru; kaunselor sekolah; atau memohon untuk menjadi pegawai pendidikan di Jabatan Pelajaran Negeri atau Pegawai Pendidikan Daerah atau jabatan lain di KPM; guru cemerlang
DG44	≥8	Minimum RM3,559 hingga maksimum RM10,414 dengan kenaikan gaji tahunan RM250	Guru; pensyarah di Institut Pendidikan Guru (IPG); pentadbir sekolah (bergantung pada gred sekolah); pegawai pendidikan; guru / pensyarah cemerlang
DG48	≥16	Minimum RM5,125 hingga maksimum RM11,640 dengan kenaikan gaji tahunan RM270	Guru / pensyarah / pentadbir kanan; pengarah; ketua sektor; pengetua / guru besar; timbalan pengetua / guru besar; HEM (bergantung pada gred sekolah atau jabatan); guru / pensyarah cemerlang
DG52	≥22	Minimum RM5,756 hingga maksimum RM12,354 dengan kenaikan gaji tahunan RM290	Guru / pensyarah / pentadbir kanan; pengarah; ketua sektor; pengetua (bergantung pada gred sekolah); guru / pensyarah cemerlang
DG54	≥25	Minimum RM6,080 hingga maksimum RM13,144 dengan kenaikan gaji tahunan RM320	Guru / pensyarah / pentadbir kanan; pengarah; pengetua (bergantung pada gred sekolah); guru / pensyarah cemerlang; pengetua cemerlang / kanan
JUSA C	≥27		Timbalan Ketua Pengarah; Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri; Pengarah; Timbalan Rektor IPG; guru / pensyarah cemerlang; pengetua cemerlang / kanan
JUSA B	≥30		Ketua Pengarah Pendidikan; Pengarah bahagian jabatan kerajaan tertentu seperti EPRD, BPG; Pengarah IPG; guru / pensyarah cemerlang, pengetua cemerlang / kanan
JUSA A	≥30		Ketua Pengarah Pendidikan

## Kadar Imbuhan Tetap Perumahan Sebulan

DG41	RM300
DG44	RM400
DG48 & DG52	RM700
DG54	RM900

## Kadar Imbuhan Tetap Khidmat Awam Sebulan

DG41	RM300
DG44	RM400
DG48	RM550
DG52	RM600
DG54	RM800

## Kadar Bantuan Sara hidup (COLA) sebulan bergantung pada lokasi

Bandar raya	RM300
Bandar/ Pekan	RM250
Pekan kecil	RM150

# Laluan Kerjaya di Sekolah Swasta

## Prasekolah

Kelayakan	Tahun Berkhidmat	Skala Gaji	Jawatan Rasmi
Diploma dalam ECE	1	Tiada skala gaji tetap. Gaji permulaan kira-kira RM1,500 untuk yang tanpa pengalaman dan RM100 hingga RM200 lebih untuk mereka yang berpengalaman. Gaji berbeza mengikut jenis prasekolah, kerja setengah hari atau sehari penuh.	Guru Prasekolah
	≥ 3	Tiada kenaikan gaji tahunan atau bonus yang tetap.	Ketua panitia; guru kanan Prasekolah

## Sekolah Rendah

Kelayakan	Tahun Berkhidmat	Skala Gaji	Jawatan Rasmi
Ijazah Sarjana Muda	1	Tiada skala gaji tetap. Gaji permulaan kira-kira RM1,800 untuk yang tanpa pengalaman dan RM100 hingga RM200 lebih untuk mereka yang berpengalaman. Gaji berbeza mengikut jenis sekolah rendah.	Guru
	≥ 3	Tiada kenaikan gaji tahunan atau bonus yang tetap.	Guru kanan; pentadbir sekolah

## Sekolah Menengah

Kelayakan	Tahun Berkhidmat	Skala Gaji	Jawatan Rasmi
Ijazah Sarjana Muda	1	Tiada skala gaji tetap. Gaji permulaan kira-kira RM2,000 untuk yang tanpa pengalaman dan RM100 hingga RM200 lebih untuk mereka yang berpengalaman. Gaji berbeza mengikut jenis sekolah menengah.	Guru
	≥ 3	Tiada kenaikan gaji tahunan atau bonus yang tetap.	Guru kanan; pentadbir sekolah

## Prauniversiti

Kelayakan	Tahun Berkhidmat	Skala Gaji	Jawatan Rasmi
Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PhD	1	Tiada skala gaji tetap. Gaji permulaan kira-kira RM2,000 hingga RM2,500 untuk yang tanpa pengalaman dan RM100 hingga RM200 lebih untuk mereka yang berpengalaman. Gaji berbeza mengikut jenis institusi pendidikan.	Pensyarah
	≥ 3	Tiada kenaikan gaji tahunan atau bonus yang tetap.	Pensyarah kanan; ketua program; pengurus

TEACHER

# Jaringan Badan yang boleh Membantu

## RESPONDING TO

"... and teaching them to obey everything I have commanded you. And surely I am with you always, to the very end of the age."

MATTHEW 28:20

## QUALITIES


Readiness to:-  
LEARN  
LEAD  
LOVE

Willingness to  
commit-  
TIME  
ENERGY  
RESOURCES

"I can do everything  
through him who gives  
me strength."  
PHILIPPIANS 4:15

## OPPORTUNITIES

- Vast Mission field
- Touching lives - 40 students x 5 classes x 25 years = 5000 lives
- Daily impact - 195 days/ year
- Continuing influence beyond school years



"When he saw the crowd, he had compassion on them, because they were harassed and helpless, like sheep without a shepherd. Then he said to his disciples, 'The harvest is plentiful but the workers are few. Ask the Lord of the harvest to send out workers into his harvest field.'"  
MATTHEW 9:36-38

## MAJLIS SEKOLAH KRISTIAN MALAYA (MCSC) / PERSEKUTUAN MAJLIS SEKOLAH MUBALIGH KRISTIAN MALAYSIA (FCCMSM)

📍 Pejabat MCSC, Pusat Pendidikan BB  
d/a SMK (L) Bukit Bintang  
Jalan Utara, 46200 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

☎ 6010-921 7663

✉ contact.mcsc@gmail.com

🌐 fccmsm.org

## PERSATUAN GURU KRISTIAN (TCF)

📍 C10-0-05, Subang Perdana Goodyear Court 3  
47610 Subang Jaya  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

☎ 603-5888 5626

☎ 603-5637 5623

✉ tcfoffice.my@gmail.com | tcfmy@pd.jaring.asia

🌐 www.tcfmy.org

## PERSATUAN GURU KATOLIK MALAYSIA (CTAM)

📍 Xavier Hall, 135, Jalan Gasing  
46000 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

## SCRIPTURE UNION PENINSULAR MALAYSIA (SUPM)

📍 386, Jalan 5/59  
46000 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

☎ 03-7782 9592 (Pejabat SU PJ)

☎ 03-7783 1663 (Pejabat SU PJ)

🌐 su.org.my



# Apa itu guru?

Seorang artis memberikan diri kepada seninya:  
kerja, kesabaran, pengulangan, perubahan.  
Dia bekerja bersendirian, tetapi kelihatan hasilnya oleh semua  
– untuk dikagumi atau tidak diendahkan.

Seorang artis mencipta sesuatu daripada mindanya  
– lubuk hatinya  
– yang tidak akan bersenang sehingga hasilnya suatu keseluruhan yang dapat dicam  
– sebuah lukisan, puisi, sonata.

Seorang guru memberikan diri kepada seninya  
– berfikir, membaca, mengatur, berdoa.  
Dia bekerja bersendirian, tetapi hasilnya dikongsi dengan orang lain  
– untuk diterima atau tidak diendahkan.

Seorang guru mencipta sesuatu daripada minda, hati, dan rohnya yang tidak akan bersenang sehingga hasilnya mencapai kesempurnaan, tujuan, matlamat.

Mengajar adalah untuk berespons kepada yang responsif, membetulkan yang cuai.  
Bersukacita dengan kebenaran, memberi amaran terhadap kesilapan.  
Berkorban diri, namun mencapai kesegaran baru.  
Memberi tanpa jaminan diterima.

Mengajar adalah untuk membina, menunjukkan jalan, mengimpikan, merealisasikan.  
Mendorong, menggerakkan, memotivasikan, menstabilkan.  
Menyampaikan sesuatu demi tidak kehilangannya.

Mengajar adalah untuk menanam supaya orang lain dapat bertumbuh.  
Menggali supaya orang lain dapat mendalami sesuatu.  
Melayang tinggi supaya tampaknya ufuk baru bagi orang lain.

Mengajar adalah untuk belajar daripada orang lain.  
Ketawa... menangis.  
Berfikir, menimbang, menghargai... membuang.  
Mengajar adalah untuk hidup, mencapai kepuasan, melakukan kehendak Allah.

**Paul A. Beals**

Profesor Misi

Seminari Baptis Grand Rapids